

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Dato' Kamarul Baharin bin
Abbas [TELOK KEMANG]**

TARIKH : 03.04.2014 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 49

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan :-

- (a) kejayaan MARA memperoleh pulangan RM1.2 bilion daripada pelaburan dalam anak-anak syarikat terlibat dalam sektor pendidikan, pembangunan harta dan pelaburan am; dan
- (b) berapa banyak daripada keuntungan ini diagihkan dalam projek-projek sektor pendidikan, bantuan pinjaman perniagaan, penyediaan premis dan perumahan kepada Bumiputera secara terperinci mengikut sektor bantuan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

MARA amat berterima kasih dan menghargai keperihatinan Ahli Yang Berhormat terhadap aktiviti-aktiviti pelaburan MARA. MARA sentiasa mencari peluang pelaburan untuk meningkatkan nilai tambah pelaburan ke atas aset MARA.

Untuk tahun 2013, syarikat-syarikat subsidiari MARA telah memperolehpendapatan (bukan pulangan) yang disatukan sebanyak RM1.2 bilion dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM107.5 juta.

MARA memperoleh pulangan daripada pelaburan dalam bentuk bayaran dividen sebanyak RM8.4 juta. Bayaran dividen ini dikategorikan sebagai hasil dalaman MARA yang digunakan untuk menampung pelaksanaan pelbagai aktiviti-aktiviti tambahan MARA yang tidak mendapat peruntukan Kerajaan.

NO. SOALAN: 50

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 3 APRIL 2014

RUJUKAN : 6592

SOALAN:

Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jaminan Kerajaan dalam memelihara kesucian ayat-ayat suci Al Quran yang tercetak dalam majalah dan akhbar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Semua penerbitan yang diluluskan permit penerbitan mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 adalah tertakluk kepada Syarat-syarat Permit dan Garis Panduan Penerbitan Kementerian Dalam Negeri iaitu, tidak menyiarkan bahan-bahan penerbitan yang memudaratkan ketenteraman awam, memudaratkan kemoralan, memudaratkan keselamatan, menggemparkan fikiran rakyat, berlawanan dengan mana-mana undang-undang, memudaratkan kepentingan awam dan memudaratkan kepentingan negara.

Berdasarkan garis panduan penerbitan Kementerian, majalah dan akhbar tidak dibenarkan sama sekali mencetak dan menyiarkan ayat-ayat suci Al Quran di dalam penerbitan berkenaan. Ini adalah bagi memelihara dan memastikan kesucian ayat-ayat suci Al Quran sentiasa terpelihara dan tidak tercemar.